

**BUKU RAMALAN
SPM TERBAIK!**

**PASTI
SKOR**

.COM.MY



BAHASA MELAYU



PASTISKOR 2025

Hi! Selamat Datang Ke PastiSkor

1. Buku ini disediakan melalui analisis soalan-soalan SPM sebenar, soalan-soalan percubaan SPM 2025 dan input guru yang berwibawa.

Hanya soalan-soalan yang penting, mungkin berulang dan mempunyai peluang yang tinggi untuk keluar dalam SPM disediakan dalam buku ini.

2. Buku ini mengandungi **Ramalan SPM 2025, Analisis Kertas Percubaan SPM, Satu (1) set kertas 1(mengandungi 10 soalan untuk Bahagian A dan 12 soalan untuk Bahagian B) dan Empat (4) set kertas 2 dengan jawapan lengkap.**
3. Cara menggunakan buku ini :

Langkah 1

Beri tumpuan pada topik-topik ramalan yang disertakan dalam buku ini.

Langkah 2

Sila jawab semua soalan dan semak jawapan anda dengan skema pemarkahan yang disertakan.

**Semoga Berjaya
Daripada Semua Tenaga Pengajar Di Pastiskor!!**

PASTISKOR 2025

RAMALAN BAHASA MALAYSIA

SPM 2025 KERTAS 1

TEMA-TEMA PENTING UNTUK KARANGAN BAHAGIAN A & BAHAGIAN B

PENTING: SILA MEMBUAT PERSEDIAAN LENGKAP UNTUK SEMUA TEMA-TEMA DI BAWAH

TEMA SEKOLAH

1. Contoh Soalan: Manfaat & Faedah Bekerja Sambilan Kepada Pelajar

Isi-isi penting

- Membuka peluang untuk melihat potensi diri
- Meningkatkan kemahiran diri
- Membantu dari segi kewangan
- Membentuk disiplin diri yang baik
- Mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah
- Menambah kenalan untuk rangkaian pekerjaan

TEMA KESIHATAN

Contoh Soalan: Kebaikan Dan Kepentingan Menjaga Kesihatan Dan Kebersihan Diri

Isi-isi penting

- meningkatkan produktiviti diri
- menghindari penyakit dan masalah kesihatan
- mendisiplinkan diri dan menjadi perwatakan yang menarik

2. Contoh Soalan: Kelebihan Pembelajaran Secara Maya

Isi-isi penting

- Memudahkan pelajar untuk mengulang kaji pelajaran
- Pembelajaran yang selesa dan kondusif
- Meningkatkan kemahiran teknologi
- Pembelajaran yang lebih mudah dan interaktif
- Memanfaatkan penggunaan bahan pengajaran atas talian

TEMA PELANCONGAN

Contoh Soalan: Cara Menggalakkan/Meningkatkan Industri Pelancongan

Isi-Isi Penting

- Rakyat Malaysia melancong di dalam negara
- Tawaran harga dan perkhidmatan terbaik
- Pihak media mengambil inisiatif untuk membantu
- Kerajaan melakukan promosi produk pelancongan

TEMA NEGARA

Contoh Soalan: Kebaikan Sektor Pertanian Kepada Negara

Isi-isi penting

- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Meningkatkan pendapatan eksport negara
- Mewujudkan bekalan makanan yang mencukupi

TEMA GLOBAL

Contoh Soalan: Langkah-Langkah Mengatasi Jenayah Siber di kalangan remaja dan masyarakat

Isi- Isi Penting

- mewujudkan undang-undang siber yang lebih kukuh
- memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan siber
- bekerjasama secara global dalam membanteras jenayah siber
- menggunakan perisian antivirus terkini
- kesedaran melalui kempen dan iklan

TEMA PENGGUNA

1. Contoh Soalan: Peranan Ibu Bapa Dalam Menggalakkan Pembelian Barang Buatan Malaysia

Isi-isi penting

- sentiasa mengutamakan produk buatan Malaysia dalam membeli belah
- berkunjung ke pameran barangan buatan malaysia kepentingan membeli produk buatan tempatan
- menunjukkan kos yang lebih berpatutan berbanding barangan import
- lambang cinta akan negara apabila membeli barang buatan Malaysia

2. Contoh Soalan: Ketagihan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Dan Kesan Buruk

Isi Isi Penting

Pusat sosial yang interaktif; e.g Tik Tok, Insta, Fb

- Mendapat hiburan secara percuma
- Tekanan realiti hidup
- Pengaruh rakan sebaya
- Tidak mendapat perhatian keluarga

TEMA ERA KEMODENAN

1. Contoh Soalan: Bagaimana Jenayah Siber berlaku?

Isi-Isi Penting

- Penipuan laman sesawang bank
- Mencuri data peribadi mangsa
- Menyalin data tanpa kebenaran
- Aktiviti pornografi

2. Contoh Soalan : Kesan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar

Isi-Isi Penting

Kesan Baik

- Menghubungi rakan atau keluarga
- Membantu semasa kecemasan
- Perkongsian matlumat tentang pelajaran

Kesan pembaziran

- Menjejaskan pelajaran pelajar
- Menjejaskan kesihatan pelajar

TEMA KERJAYA

Contoh Soalan:

1. Sebab -Sebab seseorang memilih sesuatu kerjaya

2. Langkah-Langkah untuk mencapai kerjaya

Isi-Isi Penting

- Pengaruh dan sokongan ahli keluarga
- Minat dan cita-cita
- Personaliti diri
- Kepuasan kerja

TEMA INDIVIDU

1. Contoh Soalan: Ciri-Ciri Usahawan yang produktif

Isi-Isi Penting

- Komitmen dan keazaman
- Sentiasa melihat dan merebut peluang yang ada.
- Berinisiatif dan bertanggungjawab.
- Toleransi terhadap risiko kekaburan dan ketidakpastian.
- Berfikiran kreatif dan berinovasi.
- Tahap tenaga yang tinggi.
- Berkeyakinan tinggi dan bersifat optimistik.

2. Contoh Soalan: Sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang pemimpin negara

Isi-Isi Penting

- Mempunyai jati diri yang kuat dan berintegriti tinggi.
- Berketrampilan menarik dan kemas.
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi.
- Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.
- Bijaksana dalam melakukan tugas.
- Jujur dalam memikul amanah.

RAMALAN BAHASA MELAYU

SPM 2025 KERTAS 2

BAHAGIAN/SOALAN	TOPIK
BAHAGIAN A	
1	- Kata majmuk - Kata kerja transitif/tak transitif - Kata adjektif - Akronim - Kata nama - Kata nafi - Kata ganda - Kata hubung - Kata sendi - Kata seru - Kata terbitan
2	- Ayat songsang - Ayat tanya - Pola ayat - Ayat Tunggal - Ayat majmuk - Cakap Ajuk dan Cakap Pindah
3	- Kesalahan Bahasa-Bahan 1 dan 2
4	- Bahasa Melayu Standard <i>Kepimpinan Melalui Teladan(Kertala Sari)</i> ATAU <i>Burung Terbang Dipipiskan Lada</i>
5	- Nyatakan peribahasa - Nyatakan maksud peribahasa - Nyatakan peribahasa yang sama maksud - Bina ayat dengan peribahasa - Isi tempat kosong dengan peribahasa

BAHAGIAN B	
6	- Bahan 1 <i>Cth:Menjaga Alam Sekitar</i> - Bahan 2 <i>Cth:Punca Pencemaran Sungai</i>
7	- Bahan 1(Petikan daripada cerpen) <i>Cth:Cerpen Munsyi</i> - Bahan 2(pantun/syarah/sajak) <i>Cth:Sajak Kemilau Bahasa</i>
8	(I) Ambil jawapan dari petikan yang diberikan (II) Jelaskan persoalan/ Jelaskan peristiwa yang membanggakan/menggembirakan/menyedihkan/memberi perasaan marah/perasaan kagum/memberi motivasi kepada pembaca (Berdasarkan 1 atau 2 novel yang anda baca)
BAHAGIAN C	
9	Rumusan - Bahan 1(Petikan) <i>Cth:Perniagaan dalam talian/TVET/Amalan membaca/Perpaduan</i> - Bahan 2 <i>Grafik</i> - Bahan 3 <i>Grafik</i>

ANALISIS BAHASA MELAYU KERTAS PERCUBAAN SPM 2025

NEGERI	MORFOLOGI	SINTAKSIS	BMS	PERIBAHASA	NOVEL
Kelantan	Kata bilangan	Jenis ayat	Kepimpinan Melalui Teladan	Isi tempat kosong dgn peribahasa yg sesuai	Peristiwa yang menimbulkan rasa sedih
N9	Kata kerja pasif	Ayat seruan dan ayat perintah	Kepimpinan Melalui Teladan	Berikan peribahasa yang sesuai dgn dialog	Peristiwa tanggungjawab dan bagaimana amalan tersebut memberi kesedaran
Perak	Kata kerja pasif	Ayat songsang ke ayat biasa	Kepimpinan Melalui Teladan	Senaraikan peribahasa dalam petikan dan berikan maksud	Peristiwa yang dpt dijadikan inspirasi
Terengganu	Kata kerja pasif	Ayat perintah	Kepimpinan Melalui Teladan	Senaraikan peribahasa dalam petikan dan berikan maksud	Peristiwa yang memberikan keinsafan
Perlis	Kata bantu	Ayat tunggal ke ayat majmuk	Kepimpinan Melalui Teladan	Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat yg bergaris	Peristiwa yang menimbulkan rasa simpati
Selangor	Kata kerja tak transitif berimbuhan awalan	Ayat songsang ke ayat biasa	Kepimpinan Melalui Teladan	Senaraikan peribahasa dalam petikan dan berikan maksud	Peristiwa yang menimbulkan rasa simpati


SET 1
KERTAS 1
BAHAGIAN A
[30 Markah]

1. Bahan rangsangan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Huraikan pendapat anda mengenai **Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara kita.**

Panjangnya rencana anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Bakeri Noraini Sdn Bhd, yang bermula sebagai Perusahaan kecil di tepi rumah 20 tahun yang lalu, telah berkembang menjadi pemain utama dalam industri roti, biskut dan kek. Bakeri ini yang terletak di Bukit Mertajam, Pulau Pinang telah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Kini, syarikat ini memberikan tumpuan dalam memenuhi permintaan usahawan tempatan. Penggunaan platform digital telah mengubah cara mereka mempromosikan produk.

*Dipetik daripada.
Berita Awani 7
11 Oktober 2023*



- Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan permainan tradisional di Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis **sepucuk surat** kepada rakan anda untuk menceritakan permainan tradisional di Malaysia.
2. Panjangnya surat anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

PENANGGUHAN AKTIVITI LUAR SEMASA MUSIM PANAS

Bertempat di Sekolah Kebangsaan Seksyen 9 Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini lapan permainan tradisional diketengahkan iaitu tuju tin, tarik tali, galah panjang, congkak, batu seremban, tarik upih, sepak bulu ayam dan boling kepala. Pengarah program, Mohd Norhafizudin Hamzah berkata, Permainan tradisional berkenaan akan lenyap ditelan zaman jika tiada usaha diambil untuk mengetengahkannya dalam kalangan khalayak ramai khususnya generasi muda masa ini.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/>



3. Maklumat di bawah berkaitan dengan semangat patriotik.

Huraikan pendapat anda **tentang semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.**

Panjang huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Semangat patriotik bermaksud semangat cinta akan negara atau tanah air tercinta. Kita seharusnya menyayangi negara, tempat kita dilahirkan dan dibesarkan.



Patriotisme: Melentur buluh daripada rebung



Kibarkan Jalur Gemilang tanda cinta akan negara!

Suntik semangat patriotik di sekolah



4. Iklan di bawah menunjukkan jawatan kosong sebagai guru di sebuah sekolah. Anda memiliki kelayakan untuk mengisi kekosongan tersebut. Tulis sepucuk surat kepada guru besar untuk menyatakan maklumat peribadi dan pengalaman anda.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

LOKASI: SELURUH MALAYSIA

JAWATAN KOSONG

GURU TUISYEN / GURU GANTI /
GURU TASKA / GURU TADIKA

GAJI ASAS + RM2500

- Insentif kehadiran +RM200
- Elaun pengangkutan
- Cuti tahunan
- Faedah perubatan
- Makanan disediakan
- Hostel akan disediakan jika perlu

Kelayakan:

- SPM/STPM/DIPLOMA/DEGREE
- Perempuan / Lelaki
- Berpengalaman lebih baik
- Tiada pengalaman?
- Latihan akan diberikan

KOMEN #GURU UNTUK MEMOHON

5. Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan **kelestarian alam sekitar di sekolah**.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kelestarian alam sekitar di sekolah.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan satu penjenamaan semula dan inisiatif penambahbaikan yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Minggu Alam Sekitar Malaysia. Sambutan HASN adalah bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama menyemai semangat cinta akan alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada :
<https://www.doe.gov.my>

PROGRAM 1 MURID 1 POKOK



AKTIVITI GOTONG ROYONG



6. Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan pemakanan seimbang.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **amalan pemakanan seimbang**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

SIHAT SEPANJANG HAYAT PIRAMID MAKANAN MALAYSIA

Lemak, minyak, gula dan garam
Makan sedikit

Susu dan produk tenusu
1-3 hidangan sehari
Makan secara sederhana

Sayur-sayuran
3 hidangan sehari
Makan banyak

Ikan, ayam, itik, daging dan kekacang
½ - 2 hidangan ayam, itik, daging, telur sehari
1 hidangan ikan sehari
½ - 1 hidangan kekacang sehari
Makan secara sederhana

Buah-buahan
2 hidangan sehari
Makan banyak

Nasi, mi, roti, bijirin & ubi
4-8 hidangan sehari
Makan secukupnya



1. Isikan suku pinggan dengan ikan atau sumber protein yang
2. Isikan suku pinggan dengan nasi atau sumber karbohidrat
3. Isikan separuh pinggan dengan buah dan sayur.

BERITA MENTARI **Obesiti dalam Kalangan Masyarakat Malaysia** **Membimbangkan**


Menurut kajian hampir separuh daripada rakyat Malaysia mengalami masalah obesiti. Keadaan ini amat membimbangkan sekiranya tiada langkah efektif yang diambil untuk mengatasinya.

7. Grafik dan maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada masalah kebersihan di kantin sekolah dan cadangan tindakan yang perlu diambil.

Sebagai seorang ahli Kelab Pengguna Sekolah, anda dikehendaki untuk menulis sepucuk surat kepada pihak pentadbiran sekolah untuk **mengadukan masalah tersebut dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil.**

Panjangnya surat anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Kantin Sekolah Kotor – Pemilik Boleh Ditamatkan Kontrak




Kantin kotor: Pemecatan jawatan dan tindakan disiplin yang diambil terhadap guru besar dianggap tidak adil

8. Maklumat di bawah berkaitan dengan persediaan sebelum melancong.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **persediaan sebelum melancong**

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Rancang Percutian Anda



PAKEJ PERCUTIAN PULAU LANGKAWI RM499

Pakej Keluarga 3 Hari 2 Malam

- Hotel di kawasan Pantai Chenang
- Kereta sewa (pandu sendiri)
- Jelajah Pulau

Merancang tempoh percutian dan jadual

Memilih rakan percutian dan pakej yang sesuai

Memilih destinasi percutian yang sesuai

Menyediakan kos perbelanjaan yang mencukupi

Mendapatkan maklumat berkenaan lokasi percutian

Membuat segala persiapan

TIP MERANCANG PERCUTIAN

9. Petikan dan grafik di bawah berkaitan dengan belajar secara berkumpulan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **belajar secara berkumpulan**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Belajar Secara Berkumpulan



Manusia ialah makhluk sosial yang perlu sentiasa berinteraksi bagi mencapai matlamat dan cita-cita pembentukan masyarakat. Belajar secara berkumpulan merupakan salah satu strategi belajar yang berkesan. Cara belajar dalam kumpulan telah terbukti membuahkan sesuatu yang positif kepada setiap ahli dalam kumpulan yang dibentuk. Bagi memastikan belajar secara berkumpulan menjadi efektif, beberapa syarat perlu dipatuhi. Kelebihan belajar secara berkumpulan:

- Pembelajaran secara sistematik dan menyeluruh
- Mewujudkan rasa peka dalam kalangan ahli kumpulan
- Setiap ahli mendapat manfaat secara kolektif
- Wadah berkesan untuk mendapatkan maklumat tambahan

10. Maklumat di bawah berkaitan dengan rasuah.

Huraikan pendapat anda tentang **amalan rasuah**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Mengayuh kayak berhati-hati,
Jangan terlanggar terumbu nanti,
Beringat sentiasa sebelum transaksi,
Jika tertangkap tak guna dikesali.

Berpanas ia mengutip ubi,
Dibeli orang habis belaka,
Kalau rasuah berakar umbi,
Negara tergadai rakyat merana.

Tetamu hadir ke majlis kenduri,
Hidangan lazat suasana bersih,
Jangan sesekali libatkan diri,
Tergadai maruah hidup tersisih.

Ada individu yang mempunyai kepimpinan yang lemah, tidak yakin pada diri sendiri dan mudah dipengaruhi oleh orang lain untuk melakukan rasuah. Bagi pegawai yang bergaji rendah dan bekerja di bandar pula mereka kerap menghadapi masalah kewangan. Terdapat juga individu yang tidak mempunyai iman yang kukuh dan mantap. Mereka akan mudah terpesong. Golongan seperti ini akan menggunakan kedudukan dan peluang yang ada pada diri mereka untuk menerima habuan tanpa rasa bersalah.



BAHAGIAN B
[70 Markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Masalah disiplin murid seperti buli dan vandalisme kerap menjadi bahan perbincangan dalam kalangan masyarakat dan media. Oleh itu, masalah disiplin murid-murid ini patut ditangani dengan cara ibu bapa sentiasa memantau anak-anak, pihak sekolah memperketat peraturan di sekolah dan media massa mengetengahkan kesan masalah disiplin kepada murid.

Dipetik dan diubah suai: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan cara-cara menangani masalah tersebut dalam kalangan murid sekolah.

2.

Peningkatan jenayah siber kini semakin membimbangkan masyarakat. Jenayah siber merupakan jenayah seperti menggodam komputer, mencuri kata laluan untuk perbankan Internet, penyalahgunaan kad kredit untuk pembelian dalam talian, peras ugut, keganasan siber dan penyamaran sebagai pihak berkuasa.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menghasilkan rencana yang bertajuk “Peranan Masyarakat Mengelakkan Penipuan Jenayah Siber”.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

3.

Kuih tradisional seperti lepat pisang kuih bakul dan muruku menjadi satu keunikan dan identiti kaum yang terdapat di Malaysia. Namun begitu, hidangan stimewa ini semakin dilupakan oleh generasi kini. Tidak menepati selera, tiada pendedahan awal dan sikap lebih mengagungkan makanan luar negara dianggap penyumbang ke arah situasi ini. Kita perlu mencontohi rakyat negara Jepun yang berbangga menyajikan makanan warisan mereka biarpun telah menjadi negara maju.

Sumber: Dewan Budaya, Bil 5/2021

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa faktor yang telah menyebabkan kuih tradisional di Malaysia kurang mendapat sambutan daripada generasi kini.

Bincangkan faktor-faktor tersebut.

4.

Cabaran utama sektor pertanian di Malaysia ialah kesinambungan dari segi survival berikutan komuniti pertanian lebih dipelopori golongan sudah berumur. Generasi muda pada masa ini kurang meminati sektor pertanian dan menganggap penyertaan dalam bidang pertanian sebagai bahaya, kotor, suka dan hina (4D) serta mereka yang terbabit dalam sektor ini dianggap menerima gaji rendah dan tidak menjanjikan masa depan yang baik.

Sumber: My Metro

Berdasarkan petikan di atas, huraikan punca-punca generasi muda kurang meminati sektor pertanian.

5.

E-Hailing seperti Grab, Maxim dan MyCar menjadi pilihan kerana bidang ini terbuka untuk sesiapa sahaja. Secara dasarnya, pemohon hanya perlu mempunyai lesen memandu dan kenderaan berusia 10 tahun ke bawah. Namun, kisah pemandu yang keluar pagi dan balik malam dengan tangan kosong menjadi kisah duka masyarakat yang perlu ditangani segera. Lebih menyukarkan keadaan apabila wujud persaingan harga dalam kalangan syarikat pengendali e-Hailing. Selain itu, kekurangan penumpang juga menambahkan kesengsaraan mereka.

Sumber: Sinar Harian Online

Berdasarkan petikan, huraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pekerja dalam sektor e-Hailing.

6.

KOTA BHARU - Kerajaan menggalakkan golongan muda untuk meneroka bidang penternakan ikan kelah yang sentiasa mendapat permintaan tinggi dalam pasaran. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, disebabkan golongan muda tidak tertarik untuk menjadi nelayan, penternakan ikan kelah boleh dijadikan satu inisiatif baharu. Menurutnya, bidang tersebut juga mampu mengisi kekosongan sektor perikanan dan pemakanan.

Sumber: Berita Nasional oleh ROSMIZA KASIM 30 Mei 2020

Petikan akhbar di atas membuktikan bahawa bidang penternakan ikan merupakan satu sumber rezeki yang luas. Namun begitu, bidang ini tidak menjadi pilihan generasi muda.

Huraikan langkah-langkah menggalakkan generasi muda menceburi bidang penternakan ikan.

7.

Masalah kesihatan mental dalam kalangan murid sekolah didapati semakin membimbangkan dengan bilangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun untuk membunuh diri meningkat kepada 13.1% pada tahun 2022 berbanding 10% lima tahun sebelumnya. Tekanan akademik dan pengaruh gaya hidup moden dikatakan menjadi punca yang mempengaruhi kesihatan mental murid. Di samping itu, masalah keluarga juga merupakan punca masalah ini.

Sumber: mkn.gov.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan punca-punca tersebut.

8.

Setiap murid akan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Setiap murid juga berpeluang mempelajari bahasa tambahan termasuk bahasa antarabangsa yang lain. Hal ini membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan negara jiran dalam dunia global masa ini.

Sumber: <https://www.moe.gov.my>

Petikan di atas menunjukkan sebahagian daripada kepentingan mempelajari bahasa asing. Anda diminta menyediakan teks syarahan bertajuk “Kepentingan Menguasai Bahasa Asing” sempena Minggu Bahasa sekolah anda.

Tulis teks syarahan tersebut selengkapnya.